

PRINSIP KETELITIAN DALAM PENGELOUARAN FATWA

Preciseness Principle in Fatwa Issuance

Abdul Manan Ismailⁱ & Ahmad Syukran Baharuddinⁱⁱ

ⁱ(Corresponding author), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Emel: manan@usim.edu.my

ⁱⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Emel: ahmadsyukran@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Ketelitian dalam menghasilkan hukum merupakan salah satu prinsip yang penting dalam fatwa. Terdapat dua elemen penting dalam menilai prinsip ini. Pertama, tidak menyerahkan urusan mengeluarkan hukum hakam kepada golongan yang bukan ahlinya. Kedua, kecermatan golongan yang berkelayakan untuk mengeluarkan hukum dalam proses memberi fatwa. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis secara ringkas prinsip tersebut berdasarkan pandangan para fuqaha. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen melalui penulisan ulama terhadap prinsip kecermatan fatwa dan pemilihan pendapat berdasarkan atas ilmu dan kemaslahatan. Artikel ini memperlihatkan kepentingan prinsip ketelitian dalam pengeluaran sesuatu fatwa bagi memastikan kemaslahatan ummah terpelihara.</i></p>	<p><i>One of the most essential elements in fatwas is accuracy in law-making. In assessing this concept, there are two key factors to consider. To begin with, do not entrust the issuance of hakam legislation to individuals who are not members of the principle. Second, in the process of issuing fatwas, the correctness of those who are authorized to make laws. The purpose of this paper is to examine the concept briefly using jurists' perspectives. Document analysis via the writings of experts on the principles of fatwa correctness, as well as the selection of views based on knowledge and advantages, were utilized as the approach. This article emphasizes the necessity of correctness in fatwa issuing in order to safeguard the ummah's well-being.</i></p>
<p>Kata Kunci: Fatwa, Ketelitian, Prinsip.</p>	<p>Keywords: Fatwa, Accuracy, Principles.</p>

PENDAHULUAN

Ketelitian merupakan perihal teliti, kecermatan dan kesaksamaan (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ketelitian>, 2021) dalam sesuatu perkara yang dilakukan. Prinsip ketelitian merupakan asas terpenting dalam proses mengeluarkan hukum atau fatwa. Terdapat Hadis Nabi SAW yang memberi peringatan kepada setiap pihak yang mengeluarkan hukum agar

berhati-hati dan cermat dalam mengeluarkan sesuatu hukum. Antaranya ialah sabda Nabi SAW;

أَجْرُوكُمْ عَلَى الْفَتِيَا أَجْرُوكُمْ عَلَى النَّارِ

“Orang yang paling berani mengeluarkan fatwa (dengan tidak melengkapi syaratnya), adalah orang yang paling berani terhadap api neraka.” (al-Darimi, 1987).ⁱ

Ketelitian dan kecermatan dalam memberikan fatwa merupakan sikap yang telah diambil oleh generasi para sahabat Nabi Muhammad SAW, tabiin dan tabi tabiin dalam kehidupan. Mereka akan mengambil pendekatan untuk mengelak daripada mengeluarkan fatwa sekiranya dapat berbuat demikian, ia jelas kelihatan sebagaimana digambarkan dalam riwayat berikut:

عن عبد الرحمن بن أبي ليلى أنه قال: أدركـت عـشرين وـمائـة من الأـنصـار مـن أـصـحـاب رـسـول الله صـلـى الله عـلـيه وـسـلـمـ يـسـأـلـ أحـدـهـم عـنـ المسـأـلة، فـيـرـدـهـا هـذـا إـلـى هـذـا، وـهـذـا إـلـى هـذـا، حـتـى تـرـجـعـ إـلـى الأـوـلـ، وـفـي روـاـيـة: " ما مـنـهـم مـنـ أـحـدـ يـحـدـث بـحـدـث إـلـا وـدـ أـخـاهـ كـفـاهـ إـيـاهـ، وـلـا يـسـتـفـتـي عـنـ شـيـء إـلـا وـدـ أـخـاهـ كـفـاهـ الفتـيـاـ "

“Daripada Abdul Rahman ibn Abi Laila katanya: Aku sempat bertemu lebih 120 sahabat Nabi SAW daripada kaum ansar, salah seorang daripada mereka bertanya tentang satu masalah, maka mereka saling menolak untuk menjawab sesama mereka sehingga kembali kepada yang mula-mula bertanya tadi', di dalam riwayat yang lain 'tidaklah salah seorang daripada mereka ingin berbicara tentang satu hadis melainkan mereka berharap agar saudaranya yang lain telah menyempurnakan persoalan tersebut, dan apabila diminta untuk memberi fatwa, mereka berharap agar saudaranya yang lain telah menyempurnakannya.” (Al-Suyuti, 1994).

Malahan, penulisan para ulama sentiasa memberi perhatian dalam aspek ini, antaranya ialah al-Khatib al-Baghdadi (2000) yang telah meletakkan bab khusus iaitu *bab larangan tergesa-gesa mengeluarkan fatwa kerana keimbangan berlaku kesilapan dalam bukunya al-faqih wa al-mutafaqqih*.

Demikian adalah sebahagian daripada sorotan lampau yang menunjukkan sikap cermat dan warak yang dimiliki oleh para sahabat Nabi Muhammad SAW, tabiin dan tabi tabiin dalam mendepani sebarang isu yang melibatkan hukum hakam. Sikap sebegini menunjukkan keutuhan integriti mereka demi memelihara diri daripada terjerumus dalam kesilapan semasa memberikan sesuatu hukum atau fatwa sekaligus ia menjadi prasyarat untuk membina fatwa yang menepati hukum Syarak.

DIMENSI KETELITIAN FATWA

Ketelitian merupakan salah satu prinsip terpenting dalam memastikan kewibawaan fatwa. Secara asana terdapat dua aspek utama yang perlu diberi perhatian dalam memastikan prinsip ketelitian fatwa dapat dicapai iaitu (Abdul Manan Ismail, 2017):

1. Menyerahkan urusan mengeluarkan hukum atau fatwa kepada golongan yang ahli dan berwibawa.
2. Kecermatan pemberi fatwa yang berkelayakan dalam proses mengeluarkan sesuatu hukum.

Penyerahan urusan fatwa kepada ahlinya terlaksana melalui pemastian bahawa sesuatu fatwa ditanya kepada mereka yang memiliki syarat menjadi mufti. Pelbagai syarat mufti telah digariskan oleh para ulama, antaranya seperti berikut; (Ibn al-Salah, 2002).

1. Syarat yang disepakati

- a) Seseorang mufti mestilah beragama Islam. Ini merupakan syarat asas kerana mufti memberitahu tentang hukum Allah serta mempraktikkan hukum ke alam realiti. Sehubungan dengan itu, seseorang mufti perlulah beragama Islam yang beriman kepada Allah dan RasulNya.
- b) Seseorang mufti mestilah mukalaf iaitu berakal dan baligh. Ini juga merupakan syarat asas kerana kemampuan untuk memahami *khitar* Syarak dengan sempurna tidak dapat dilakukan oleh orang gila dan kanak-kanak.

2. Syarat yang tidak disepakati

Terdapat beberapa syarat mufti yang tidak disepakati. Dalam artikel ini, penulis tidak akan memperincikan hujah dan pendalilan yang dikemukakan para ulama mengenai perkara tersebut. Namun demikian, penulis akan terus memilih pandangan yang dianggap *rajih* berdasarkan alasan-alasan ringkas yang akan dikemukakan. Antara syarat-syarat yang tidak disepakati ialah;

- a) Adil; syarat ini diwajibkan oleh majoriti ulama iaitu *al-Shafeiyyah* (*al-Ghazali*, 1993), *al-Malikiyyah* (*al-Qarafi*, 1994), sebahagian *al-Hanafiyyah* (*Ibn Nujaym*, t.th) dan sebahagian *al-Hanabilah* (*Ibn Muflīh*, 2003). Mereka berhujah, fatwa merupakan pemberitahuan tentang agama dan pemberitahuan orang fasik tidak diterima dalam urusan agama. Manakala sebahagian ulama yang lain menerima fatwa orang fasik melainkan jika dia menzahirkan kefasikannya serta mengajak kepada *bidaah sayyiah* seperti menambah rakaat solat subuh kepada tiga rakaat dan berpuasa pada satu syawal (*Ibn Nujaym*, t.th).

Penulis berpandangan pendapat yang pertama iaitu seseorang mufti perlu adil merupakan pandangan yang lebih kuat kerana sebagaimana yang diketahui, seseorang yang tidak takut kepada Allah akan berani untuk berbohong. Kita juga tidak akan mempercayai mereka, justeru adalah tidak munasabah untuk mempercayai fatwa mereka. Bahkan orang-orang beriman diingatkan agar menyelidiki terlebih dahulu dengan berita yang dibawa oleh orang fasik sebagaimana firman Allah dalam surah al-Hujurat ayat enam.

- b) Lelaki; majoriti ulama tidak mensyaratkan mufti mesti seorang lelaki bahkan wanita juga dibenarkan memberi fatwa. Asas kepada pendapat ini ialah para sahabat Nabi SAW dan para tabiin merujuk kepada fatwa Saiditina Aishah (r.a) dan isteri-isteri Baginda SAW yang lain dalam banyak peristiwa. Sebaliknya, sebahagian *al-Shafeiyyah* mensyaratkan agar fatwa hanya dikeluarkan oleh golongan lelaki melainkan pengecualian diberikan kepada isteri- isteri Baginda SAW. Mereka berhujah, wanita tidak dapat menjadi pemimpin demikianlah juga halnya dengan mufti (al-Zarkashi, 1994).
- Penulis berpandangan pendapat yang pertama iaitu seseorang mufti tidak semestinya seorang lelaki merupakan pandangan yang lebih kuat kerana terbukti dalam sejarah Islam para sahabat seperti Ibn Umar (r.a) dan 'Urwah (r.a) telah bertanya tentang hukum kepada Saiditina Aishah (r.a) dan ia tidak pernah dibantah oleh mana-mana sahabat Nabi SAW yang lain. Ini membuktikan keharusan tersebut. Manakala menyamakan kepimpinan dengan fatwa seperti yang dihujahkan oleh sebahagian *al-Shafeiyyah* adalah qiyas yang jauh tersasar kerana terdapat perbezaan ketara antara dua perkara tersebut.
- c) Mujtahid; perbincangan mengenai syarat ini dibuat berdasarkan empat tahap atau martabat seperti berikut; (Abdul Manan Ismail, 2017).
- i. *Mujtahid Mustaqil Mutlaq* seperti imam Malik, Abu Hanifah, al-Shafei, Ahmad ibn Hanbal, al-Auzai', Sufyan al-Thauri dan al-laith ibn Sa'ad
 - ii. *Mujtahid Mutlaq Ghair Mustaqil* seperti Abu Yusof, al-Muzani, Ibn al-Qasim dan al-Qadi Abu Ya'la.
 - iii. *Mujtahid al-Takhrij/muqayyad* seperti al-Tahawi, Ibn al-Arabi, al-Ghazali dan al-Qadi Abi 'Ali ibn Abi Musa.

- iv. *Mujtahid al-futya/al-tarjih* seperti al-Nawawi, al-Rafi'i, Ibn Hajar, al-Maziri, Ibn Nujaym, ibn al-Humam dan ibn Qudamah.

Para ulama bersepakat bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh setiap *Mujtahid Mustaqil Mutlaq* dan *Mujtahid Mutlaq Ghair Mustaqil* diterima. Walaubagaimanapun mereka berbeza pandangan dalam penerimaan fatwa *Mujtahid al-Takhrij/muqayyad* dan *Mujtahid al-futya/al-tarjih*. (al-Suyuti, 1982). Majoriti ulama menganggap *Mujtahid al-Takhrij/muqayyad* dan *Mujtahid al-futya/al-tarjih* bukan mujtahid secara hakiki sebaliknya digelar sebagai mujtahid secara *tasamuh*. Ini adalah kerana mereka memberi fatwa secara nukilan pandangan dalam mazhab sahaja dan bukannya pandangan sendiri. Manakala *al-Hanafiyah* pula berpandangan sebaliknya iaitu mereka dibenarkan untuk memberi fatwa kerana syarat ijтиhad hanyalah syarat *aulawiyyah* atau keutamaan sahaja dan mereka dibenarkan untuk berfatwa jika tidak ada mufti yang mujtahid (Ibn Nujaym, t.th).

Jika kita meneliti pandangan majoriti fuqaha dan *al-Hanafiyah*, didapati tidak ada perbezaan yang signifikan dalam pendapat mereka. Secara asasnya, perbezaan mereka adalah hanya pada istilah semata-mata kerana meskipun *jumhur* ulama mensyaratkan kemampuan ijтиhad terhadap seseorang mufti namun mufti tersebut dibenarkan juga untuk memberitahu tentang hukum yang disoal berdasarkan pandangan dalam mazhabnya. Dalam erti kata lain, mufti tersebut hanyalah menukilkan pandangan dalam mazhabnya dan tidak memberi fatwa yang baharu.

KECERMATAN MUFTI

Terdapat pelbagai aspek yang perlu diambil berat oleh para mufti bagi mencerminkan cermatnya fatwa yang dikeluarkan agar ia menepati hukum Syarak. Antara perkara yang perlu dilihat ialah seperti berikut (Abdul Manan Ismail, 2017):

1. Mengesahkan setiap perkara yang dirujuki dalam penghasilan fatwa tersebut atau dalam erti kata lain memastikan amanah ilmu dalam penyelidikan yang berkaitan dengan fatwa. Jika fatwanya didasarkan kepada sesuatu Hadis, mufti perlu memastikan kedudukan dan martabat Hadis dan tidak hanya sekadar bergantung kepada apa yang didengarnya semata-mata tanpa merujuk kepada sumber yang berautoriti.

Begitulah juga sekiranya mufti seorang *muqallid* dengan mengambil pandangan ulama yang lebih faqih daripadanya dalam sesuatu isu, maka beliau perlu memastikan bahawa kitab yang dirujukinya adalah kitab yang betul dinisbahkan kepada ulama berkenaan.

2. Tidak mengambil mudah terhadap sesuatu fatwa seperti mencari-cari rukhsah dan helah yang tidak dibenarkan dalam Syarak atau mengambil mudah dalam proses mengistinbat hukum serta tidak bersungguh-sungguh dalam proses berijihad.
3. Kecermatan mufti juga dilihat dari aspek *indibat manhaji* atau pematuhan terhadap metodologi dalam memberi sesuatu fatwa. Pematuhan metodologi ini merangkumi dua aspek utama iaitu; (Abdul Manan Ismail, 2017).
 - i. Kefahaman terhadap realiti yang memerlukan kepada penyelidikan sempurna terhadap sesuatu isu, mendapatkan pandangan pakar yang berkaitan, menganalisis setiap permasalahan, mendalami adat dan uruf setempat serta mendapatkan kepastian terhadap permasalahan sebenar.
 - ii. Kajian terhadap isu yang diketengahkan berdasarkan metodologi yang benar iaitu merujuk kepada Quran, Sunah, ijmak dan qiyas serta kemaslahatan dan menepati tuntutan maqasid Syariah.

KESIMPULAN

Kunci kepada prinsip ketelitian fatwa ialah menyerahkan urusan mengeluarkan fatwa kepada ahlinya yang telah memenuhi syarat sebagai seorang mufti. Setiap mufti yang berkelayakan itu pula perlulah cermat dan berhati-hati untuk mengeluarkan sesuatu fatwa atau hukum dalam masyarakat. Prinsip ini merupakan asas penting untuk memastikan setiap fatwa yang dikeluarkan menepati hukum syarak dan berupaya mengangkat wibawa institusi fatwa dan para mufti. Justeru, setiap fatwa yang ingin dikeluarkan perlu melalui proses penyelidikan yang sempurna serta tidak dilakukan secara sambil lewa.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian hasil penyelidikan bertajuk ‘Garis Panduan Dan Manhaj Fatwa Kontemporari Di Malaysia’ (USIM/ANR DYNAMIC VENTURES/FSU/LUAR-S/40121) yang ditaja oleh ANR Dynamic Ventures Sdn. Bhd.

RUJUKAN

- Abdul Manan Ismail & Mek Wok Mahmud. (2017). *Dawabit al-Fatwa Fi Majlis al-Ifta' al-Watani al-Malizi*. Gombak: IIUM Press, 118-134.
- Al-Darimi, Abdullah ibn Abdul Rahman Abu Muhammad. (1987). *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Kitab al-'arabi, jil. 1, m.s 69.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1993). *Al-mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 342.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad ibn 'Ali ibn Thabit ibn Ahmad ibn Mahdi. (2000). *Al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. Cetakan kedua. Arab Saudi: Dar ibn al-Jauzi, jil. 2, 333.
- Al-Qarafi, Abu al-'Abbas Shihabuddin Ahmad ibn Idris ibn Abdul Rahman al-Maliki. (1994). *Al-Zakhira*. Beirut: Dar al-gharb al-Islamiy, jil. 10, 24.
- Al-Suyuti, Abdul Rahman ibn Abi Bakr, Jalaluddin. (1982). *Taqrir al-Istinad Fi Tafsir al-Ijtihad*. Iskandariyyah: Dar al-Da'wah, 47-50.
- Al-Suyuti, Mustafa ibn sa'ad ibn Abduh al-Dimashqi al-Hanbali. (1994). *Matalib Uli al-Nuha fi Sharh Ghayat al-Muntaha*. Cetakan Kedua. T.tp: al-Maktab al-Islami, jil. 6, m.s 438.
- Al-Zarkashi, Abu Abdillah Badruddin Muhammad ibn Abdullah ibn Bahadir. (1994). *Al-Bahr al-Muhit Fi Usul al-Fiqh*. T.tp: Dar al-Kutubi, jil. 8, 359.
- Ibn Mufligh al-Maqdisi, Shamsuddin Abu Abdillah Muhammad ibn Mufligh ibn Muhammad ibn Mufarraj al-Ramini al-Maqdisi. (2003). *Kitab al-Furu' wa ma'ahu Tashih al-Furu' li 'Ala' al-din Ali Ibn Sulaiman*. T.tp. Muassasat al-Risalah, jil. 11, 112.
- Ibn Nujaym al-Misriy, Zainuddin ibn Ibrahim ibn Muhammad. (T.th). *Al-Bahr al-Raiq Sharh Kanz al-Daqaiq*. T.tp: Dar al-Kitab al-Islamiy, jil. 6, 286.
- Ibn al-Salah, Othman ibn 'Abdul Rahman Abu 'Amru Taqiy al-Din. (2002). *Adab al-Mufti wa al-Mustafti*. Cetakan kedua. Madinah: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam, 94-97. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ketelitian>. Akses pada 21 April 2021.

ⁱ Walaupun hadis ini berstatus lemah (*Do 'if*) seperti yang dinyatakan oleh al-Hafiz Ibn Rajab dan al-'Ajluni, namun demikian maknanya adalah sahih sebagaimana dinyatakan oleh pengarang Faid al-Qadir.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini